



Pas sokong ketegasan kerajaan

um: 13/2/2006

IPOH 12 Feb. - Pas Pusat menyokong penuh ketegasan kerajaan menangani isu peruntukan Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2005 yang cuba disalah-tafsirkan oleh segelintir pihak sehingga mencetuskan salah faham terhadap undang-undang syariah di negara ini.

Presidennya, Datuk Seri Abdul Hadi Awang (gambar) berkata, Menteri Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil dan Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail melakukan tindakan yang betul apabila menyatakan undang-undang tersebut tidak boleh dilulus dan dilaksanakan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira pandangan para ulama.

"Menteri (Shahrizat) dan Peguam Negara telah menunjukkan sikap yang sangat positif dalam kenyataannya berhubung rang undang-undang itu yang turut mengambil kira pandangan ulama dan tokoh-tokoh agama.

"Kita (Pas Pusat) amat tertarik dengan kenyataan menteri itu yang menolak pandangan sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) kerana tidak melihat rang undang-undang tersebut secara menyeluruh," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa kerja Pas Pusat di sini hari ini.

Abdul Hadi berkata, Pas meminta supaya kajian terhadap rang undang-undang tersebut turut mengambil kira peranan dan tanggungjawab pihak-pihak lain termasuk media dalam membantu mengukuhkan lagi institusi kekeluargaan.

Katanya, ini supaya kelemahan dan kepincangan yang berlaku dalam sesebuah keluarga Islam tidak dikaitkan dengan undang-undang syariah kerana ia sudah cukup sempurna untuk dijadikan panduan.